

**PARLIMEN**  
**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI SELASA: 30 NOVEMBER 2010**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TID AK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 6,10 HINGGA 44 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5  
NO. 7 HINGGA 9**

**[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**PBfVIBERITAhtf**

**PERTANYAAN PEWAM**

**RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA . TUAN MANICKAVASAGAM A/L**  
**SUNDARAM**  
**KAWASAN : KAPAR**  
**TARIKH : 30.11.2010 (Selasa)**  
**NO. SOALAN : 21**

**TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah kilang-kilang industri yang telah memberhentikan operasi masing-masing di Malaysia dan berpindah ke negara lain dari tahun 2003 hingga 2010 serta sebab-sebabnya, secara terperinci.**

**Jawapan-:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Dari tahun 2003 hingga 2010, jumlah svarikat pengilangan milik rakyat asing dan tempatan yang dilesenkan oleh MITI yang**

**menutup operasi perniagaannya adalah:**

- 30 svarikat pada tahun 2003;
- ® 23 svarikat pada tahun 2004;
- 22 svarikat pada tahun 2005;
- « 39 svarikat pada tahun 2006;
- 30 svarikat pada tahun 2007;
- ® 38 svarikat pada tahun 2008;
- 34 svarikat pada tahun 2009; dan
- 14 svarikat bagi tempoh Januart - Juiai 2010.

Daripada jumlah tersebut, bilangan svarikat milik asing yang berpindah ke luar negara adalah:

- ® 6 svarikat pada tahun 2003;
- ® 6 svarikat pada tahun 2003;
- 5 svarikat pada tahun 2004;
- 4 svarikat pada tahun 2005;
- sebuah svarikat pada tahun 2008;
- 3 svarikat pada tahun 2007; dan
- sebuah svarikat pada tahun 2009.

Antara alasan yang dikemukakan oleh pihak syarikat berkaitan keputusan penutupan operasi mereka adafah:

- Ⓜ masalah pasaran;
- masalah kewancfan;
- pertcfambifanhart oieh svarikat tain;
- kekurangan bahan-bahan sumber; dan persiiqkatan kos pengeluaran.

SO ALAN NO.: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR HIEW KING CHEU  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Y.B. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa lebuhraya persekutuan dari Lahad Datu ke Tawau tidak dinaikkan taraf dan jumlah kemalangan yang menyebabkan kehilangan nyawa terjadi. Kebanyakan lebuhraya persekutuan di pekan-pekan besar di Sabah

tidak di pasang lampu jalan. Bilakah lampu-lampu jalan-raya ini akan dipasang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan sememangnya prihatin dan sedar mengenai keperluan untuk membina dan menaik taraf Jalan-Jalan Persekutuan yang selamat dan selesa bagi tujuan menjana dan merangsang pertumbuhan sosioekonomi negara. Sehubungan itu, Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) Fasa 2 bagi Negeri Sabah dan Sarawak (2010) telah mengenai pasti keperluan untuk membina jalan-jalan baru dan menaik taraf Jalan Persekutuan sedia ada di kedua-dua negeri tersebut sehingga tahun 2025. Laporan HNDP tersebut turut melibatkan kajian mengenai status Jalan Persekutuan dari Tawau ke Lahad Datu, Sabah sepanjang 151 kilometer.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini bancian trafik di Jalan Tawau ke Lahad Datu mencatatkan jumlah di bawah kadar 20,0 kenderaan sehari. Jumlah tersebut masih lagi memadai bagi menampung keperluan trafik bagi jalan satu lorong sehala (*single carriageway*) di jalan tersebut. Oleh itu kajian HNDP Fasa 2 telah mencadangkan jalan berkenaan dinaikkan taraf kepada dua lorong dua hala (*dual-carriageway*) dalam *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Di dalam masa yang sama, Kerajaan juga bersetuju untuk membina Jalan Segama *Northern By-Pass* Lahad Datu, Sabah sepanjang 18 kilometer dalam RMKe-10. Projek dengan anggaran kos RM200 juta ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2011 dan dijangka siap pada 2014 di mana ia akan dapat mengatasi masalah kesesakan di bandar Lahad Datu, Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan lampu-lampu jalan di Jalan-Jalan Persekutuan adalah terhad kepada lokasi-lokasi strategik dan berisiko kemalangan, seperti di persimpangan jalan dan selekoh serta kawasan-kawasan tumpuan ramai. Ini menepati keperluan reka bentuk pembinaan sesuatu jalan yang turut mengambil kira faktor analisa kos faedah projek secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya sentiasa memastikan Jalan-Jalan Persekutuan di seluruh negara ini termasuk di Negeri Sabah sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan selesa menerusi pelaksanaan program-program audit keselamatan dan program penyelenggaraan jalan yang diadakan pada setiap tahun.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD (PARIT SULONG)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>30.11.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD [ PARIT SULONG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah keberkesanan kaunselor di sekolah- sekolah dalam menangani masalah pelajar dan apakah pendirian Kementerian mengenai cadangan mewujudkan pekerja sosial di sekolah atau pejabat pelajaran daerah dan negeri bagi membantu pelajar berisiko.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini kaunselor yang ditempatkan di sekolah telah memainkan peranan dalam usaha mengurangkan masalah salah laku disiplin murid. Waiau bagaimanapun, KPM sedar bahawa isu permasalahan sosial dalam kalangan murid ini tidak dapat dihapuskan sama sekali kerana ia berkait rapat dengan peranan ibu bapa dan masyarakat. KPM juga telah mengambil langkah dengan mengiktiraf guru kelas untuk bertindak sebagai guru disiplin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang meneliti untuk menjadikan guru kaunselor juga berperanan sebagai guru disiplin di sekolah. Mengenai cadangan untuk mewujudkan jawatan Pekerja Sosial Sekolah, ia bukan sahaja melibatkan keputusan agensi pusat seperti Jabatan Perkhimatan Awam, tetapi juga perlu melihat keadaan ekonomi dan kedudukan kewangan Negara, di

samping pengurusan dan latihan pegawai tersebut. Oleh yang demikian perkara ini perlu diteliti secara mendalam sebelum sesuatu tindakan diambil. Namun demikian, pada masa ini, KPM juga bersama-sama dengan Agensi/Jabatan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan sentiasa menjalankan program dan aktiviti untuk mengatasi masalah salah laku dan sosial dalam kalangan murid.

Rjm 96

## **Soalan No: 12**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PAD A**

**YB TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB  
KADIR (KETEREH)**

**TARIKH**

**30 NOVEMBER 2010**

**SOALAN**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan ke negeri Kelantan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat sejak tahun 2008 hingga kini. Agensi manakah yang terlibat mengenal pasti peserta yang layak dan apakah kriterianya.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM 163.6 juta di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) telah disalurkan kepada Negeri Kelantan dalam tempoh 2008 hingga Jun 2010. Peruntukan berkenaan adalah

bagi membiayai pelaksanaan program- program SPKR seperti berikut:

- (i) Sejumlah **RM96.6 juta** bagi membiayai pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) di mana sejumlah 2,412 unit telah berjaya dibina dan dibaik pulih yang memberikan manfaat kepada keluarga-keluarga miskin tegar di Kelantan;
- (ii) Sebanyak **RM19.4 juta** diagihkan untuk pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan dengan matlamat memberikan tambahan pendapatan bulanan kepada seramai 1,967 orang peserta projek;
- (iii) Sejumlah **RM21.5 juta** bagi membiayai aktiviti dan program-program modal insan SPKR yang memberikan manfaat dalam bentuk pengukuhan jati diri, peningkatan kecemerlangan pendidikan dan latihan kemahiran kepada seramai 30,345 penerima faedah;
- (iv) Sejumlah **RM21.16 juta** bagi membiayai pelaksanaan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) yang telah mewujudkan 7 projek penempatan golongan miskin tegar yang teratur, selesa dan selamat; dan
- (v) Sejumlah **RM4.94 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan pemberian bantuan bakul makanan yang memberi manfaat kepada seramai 1,800 keluarga miskin tegar di Kelantan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Usaha mengenal pasti dan mendaftarkan Keluarga Miskin Tegar dalam pangkalan data eKasih adalah di bawah kawal selia oleh Unit

Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Usaha ini turut dibantu dan disokong oleh *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Negeri dan Daerah, agensi-agensi Kerajaan yang lain dan pemimpin-pemimpin

tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kaedah pengukuran utama yang digunakan dalam mengenal pasti keluarga miskin tegar adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pada masa ini, isi rumah luar bandar yang memperolehi pendapatan bulanan di bawah paras PGK iaitu kurang daripada RM440 di Semenanjung, RM540 di Sabah dan Labuan serta RM500 di Sarawak, layak dikategorikan sebagai miskin tegar.

**NO. SOALAN:**

**13 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARI PADA** : **Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN**  
**[HULU TERENGGANU]**

**TARIKH** : **30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [ Hulu Terengganu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek-projek mega yang telah dilaksanakan di bawah program ECER sehingga Jun 2010 di negeri Terengganu dan impaknya kepada masyarakat tempatan.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari **Hulu Terengganu**, sebanyak 18 program/projek telah dilaksanakan di pelbagai peringkat di

Negeri Terengganu di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dari tahun 2008-2010. Di antara projek-projek yang telah dimulakan yang juga merupakan projek-projek mega berimpak tinggi adalah seperti berikut:

1. Taman Industri Berat Kemaman;
2. Agropolitan Besut - Setiu;
3. Taman Industri Polimer Kertih
4. Taman Industri Pembinaan Dan Pembaikan Bot, Kemaman;
5. Pusat Pembiakan & Inovasi Kambing - Kuala Berang;
6. Pembangunan Kuala Terengganu City Centre (KTCC);
7. Zon Bebas - Lapangan Terbang Kuala Terengganu; dan
8. Pembangunan Ladang Komersil Industri Makanan Jerangau

Secara umumnya, objektif dan impak pelaksanaan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) terhadap masyarakat di negeri-negeri Pantai Timur, khususnya masyarakat di Negeri Terengganu, adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat ke tahap yang lebih baik. Sebagai contohnya bagi projek Agropolitan Besut-Setiu. Seramai 3,000 peserta akan menikmati manfaat dari projek ini. Para peserta dijangka berupaya meningkatkan pendapatan melebihi RM 1,000 sebulan hasil dari pelbagai program yang dirangka seperti perladangan dan aktiviti-aktiviti sekunder. Selain dari menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih pesat, pelaksanaan pelbagai program dan projek di bawah inisiatif ECER khususnya projek-projek yang dicadangkan di kawasan luar bandar, akan dapat memberikan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat. Kerajaan percaya

bahawa dari segi jangka panjang, faedah daripada pelaksanaannya akan dirasakan oleh seluruh negeri termasuklah penduduk di luar bandar.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>30.11.2010</b>

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan senarai nama pegawai dan bilangan mereka yang terlepas peluang kenaikan pangkat sejak tahun 2005 hingga 2010 hasil dari dasar kerajaan yang sering menyambung kontrak Pegawai Tertinggi di Kementerian Pelajaran Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam pada prinsipnya adalah berdasarkan kekosongan jawatan kenaikan pangkat hakiki. Namun begitu, bagi kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pelajaran (PPP), peluang kenaikan pangkat adalah lebih besar berbanding skim perkhidmatan lain. Ini kerana, terdapat tiga laluan kenaikan pangkat iaitu laluan kenaikan pangkat secara hakiki (pentadbiran dan akademik) dan laluan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) iaitu laluan cemerlang dan *Time-based*. Oleh yang demikian, laluan kenaikan pangkat yang telah disediakan kepada Pegawai Perkhidmatan Pelajaran menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam mewujudkan peluang-peluang kenaikan pangkat yang lebih luas demi meningkatkan motivasi dan memartabatkan profesionalisme keguruan



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                      **LISAN**  
**DARI PADA**                      **Y.B. DATUK WEE JECK SENG**  
**(TANJONG PIAI)**

**TARIKH**                              **30.11.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a)** bilangan permohonan guru tidak terlatih daripada SJK(C) dan SJK(T) yang gagal mendapat tempat KDPM-KDC DAN KPLI-KDC di IPG untuk pengambilan tahun 2009; dan
- (b)** adakah Kerajaan bercadang mengadakan program Pengajian Bahasa Cina di IPG Kawasan Lembah Klang untuk mengatasi masalah kekurangan guru di SJK (C).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- a)** Merujuk kepada ambilan November 2009, bilangan permohonan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) daripada SJK(C) dan SJK(T) yang gagal mendapat tempat dalam Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) - Kursus Dalam Cuti (KDC) dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) - KDC di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah seperti berikut:
- i.** KPLI - KDC bagi Pengajian Cina seramai 615 orang dan Pengajian Tamil seramai 140 orang; dan
  - ii.** KDPM - KDC bagi Pengajian Cina seramai 1330 orang dan Pengajian Tamil seramai 432 orang.

**b) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melaksanakan program Pengajian Bahasa Cina di IPG bukan dikhususkan kepada kawasan tertentu sahaja, sebaliknya program yang dijalankan adalah untuk semua calon yang berkelayakan. Guru-guru yang telah menjalani latihan akan ditempatkan ke sekolah-sekolah yang memerlukan jawatan perguruan berdasarkan perjawatan semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KPM sedang meneliti untuk mempertimbangkan Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) yang berpengalaman bagi menjalani latihan perguruan. Beberapa program latihan perguruan yang dikhaskan kepada GSTT adalah:**

- **KDPM-KDC (Pengajian Cina dan Pengajian Tamil)**
- **kDPM-KDC (Pendidikan Khas)**
- **KPLI-KDC (Pengajian Cina dan Pengajian Tamil)**

**Di samping itu, bagi program KPLI-Sekolah Rendah (KPLI-SR), pemohon- pemohon yang mempunyai pengalaman GSTT akan diberi keutamaan dengan memberikan markah (wajaran) berdasarkan pengalaman sebagai GSTT.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

**LISA DR. SITI MARIAH BINTI  
N MAHMUD**

**30 NOVEMBER 2010**

SOALAN

Minta Perdana Menteri menyatakan apakah syarat-syarat untuk peneroka mengeluarkan simpanan mereka di dalam Tabung Skim Penanaman Semula FELDA dan berapa jumlah kos penanaman semula kelapa sawit yang digunakan dari tabung tersebut.

JAWAPAN

**DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang Dipertua,

Sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan mengenai syarat untuk peneroka mengeluarkan simpanan melalui tabung tanam semula telah dijelaskan dalam sesi penggulungan bajet baru-baru ini.

FELDA telah mewujudkan Tabung Tanam Semula Sawit sejak tahun 1960an bertujuan apabila sampai masa tanam semula, peruntukan daripada tabung ini digunakan untuk kerja pembangunan tanam semula.

Peneroka FELDA yang menanam sawit akan mencarum sebanyak RM4.00 seekar selama 20 tahun ke dalam Tabung Tanam Semula FELDA. Jumlah caruman penuh bagi setiap orang peneroka yang urus kebunnya seluas 10 ekar adalah berjumlah RM9.600.00.

Walau bagaimanapun, FELDA telah menambah sebanyak RM7,400.00 sebagai subsidi menjadikan jumlah keseluruhan berjumlah RM17,000.00 (RM1,700.00/ seekar) diperuntukan untuk menampung kos pembangunan tanam semula sawit dalam tempoh 36 bulan. Ini kerana kos yang meningkat mengikut harga semasa bagi program tanam semula. Terdapat dua kategori peneroka yang ingin menanam semula sawit iaitu :

**Kategori pertama** adalah peneroka yang menanam semula sawit bersama Pengurusan FELDA. Wang caruman tanam semula sawit ini digunakan untuk menampung segala kos pembangunan tanam semula tersebut iaitu dalam tempoh 36 bulan. Segala kos pembangunan dalam tempoh 36 bulan ini ditanggung oleh FELDA dan tidak dikira sebagai hutang peneroka.

**Kategori kedua** pula adalah peneroka yang menanam semula sawit di kebunnya secara sendiri. Bagi kategori ini, peneroka akan dipulangkan wang caruman berjumlah RM 17,000.00, sekiranya kerja-kerja tanam semula yang dilakukan mengikut syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh FELDA.

Di atas permohonan daripada peneroka yang menanam semula sendiri, FELDA telah mengkaji semula syarat bayaran wang tabung tanam semula sendiri. Mulai 23 September 2010, peneroka yang terlibat di dalam program tanam semula sendiri dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh

FELDA, wang tabung akan dipulangkan dalam bentuk tunai. Pembayaran wang caruman tanam semula sebanyak RM1.700 seekar kepada peneroka yang urus sendiri adalah mengikut syarat-syarat seperti jadual di bawah :

Tahap	Kerja-kerja yang perlu disiapkan	Bayaran maksimum seeker (RM)
Pertama	i. Siap kerja-kerja tebang atau racun pokok tua sehingga reput ke pangkal	360.00
Kedua	ii. Siap membaris supaya memperoleh 55 pokok tapak tanaman seekar	240.00
Ketiga	iii. Siap kerja menanam dan menyulam	300.00
Keempat	iv. Kebun bersih, pokok subur dan membuat kawalan perosak dan	300.00
Kelima	v. Kebun berjaya diurus, pokok mengeluarkan hasil, <i>paysheet</i> peneroka diwujudkan dan menghantar hasil ke FELDA	500.00
<b>Jumlah</b>		<b>1,700.00</b>

Permohonan untuk bayaran dibuat melalui borang permohonan Tanam Semula Sendiri (TSS). Sukacita dijelaskan kepada Yang Berhormat bahawa syarat pelepasan caruman tanam semula bagi peneroka yang urus sendiri ini adalah selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuantan pada 29 September 2010. Keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuantan adalah selaras dengan dasar FELDA dan mengesahkan tatacara proses pengeluaran wang tanam semula yang dilaksanakan oleh FELDA selama ini.

Tujuan FELDA berbuat demikian adalah untuk memastikan caruman wang tanam semula tersebut tidak digunakan bagi tujuan lain dan memastikan kebun peneroka diusahakan dengan sebaiknya supaya dapat menjana sumber pendapatan kepada peneroka untuk tempoh masa 25 tahun akan datang.

\*\*\*\*\*



Selain itu, kos bukan bahan api turut meningkat sebanyak 9% pada suku kedua tahun 2010 berbanding suku pertama tahun yang sama menjadikan MAS menanggung kerugian bagi kos operasi sepanjang tempoh tersebut sebanyak RM285.6 juta. Kedua-dua faktor ini merupakan antara penyumbang utama kepada jumlah keseluruhan kerugian sebanyak RM 535 juta yang ditanggung oleh MAS bagi suku kedua tahun 2010.

Bagi memastikan MAS tidak terus mengalami kerugian, pihak MAS telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) MAS akan meneruskan usaha untuk memfokus terhadap usaha meningkatkan pulangan (*increase yield*);
- (ii) Meningkatkan jumlah penumpang premium;
- (iii) Meningkatkan aktiviti jualan korporat melalui pelbagai program yang akan diperkenalkan kelak;
- (iv) MAS akan menerima pesawat-pesawat baru yang mana MAS telah menempah 55 buah pesawat B737-800 dan 25 buah pesawat A330-300. 3 buah pesawat B737-800 akan diterima pada tahun ini dan bakinya akan diterima secara berperingkat selepas tahun ini; dan
- (v) MAS juga akan turut meningkatkan jaringan perkhidmatannya dengan meningkatkan frekuensi penerbangan ke laluan-laluan sedia ada dan mengadakan penerbangan ke laluan-laluan baru bagi meningkatkan pulangan MAS.



DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

[KUALA KEDAH]

TARIKH 30 NOVEMBER 2010

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan mengenai kuasa yang dimiliki oleh Akta Kanun Tanah Negara yang tidak dapat mengatasi masalah pemilik tanah yang melindungi pengusaha sawah padi oleh Akta Penanaman Padi 1967. Mengapakah ini terjadi dan apakah usaha yang telah dibuat untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967 atau Akta 528, setiap penyewaan untuk mengusahakan padi hendaklah menggunakan perjanjian yang telah ditetapkan oleh Akta tersebut. Perjanjian tersebut mengkehendaki semua peruntukan yang ditetapkan di dalam Akta 528 dipatuhi.

Secara ringkasnya, di bawah Seksyen 40 (2) (Akta 528) jelas memperuntukkan bahawa Akta ini hendaklah terpakai sekiranya terdapat sesuatu pertentangan atau tidak sesuai antara peruntukan-peruntukan undang-undang bertulis yang lain berhubung dengan penyewaan atau pajakan. Tambahan pula berdasarkan kepada Seksyen 4 (2) Kanun Tanah Negara, apa-apa peruntukan di dalam Akta 528 adalah terpakai dan mengatasi Kanun Tanah Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah yang dihadapi oleh tuan tanah yang dikatakan terjejas kepentingan mereka setelah menyewa tanah sawah

mereka di bawah Akta 528 hanya boleh di atasi dengan meminda atau memansuhkan peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Akta 528 bagi mewujudkan keadilan kepada kedua-dua tuan tanah dan penyewa.

Sehubungan dengan itu, Kementerian bersama dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) sedang menjalankan kajian untuk menentukan hala tuju Akta 528 ini, sama ada untuk dipinda atau dimansuhkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 19

#### DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2010

#### SOALAN

Datuk Tiong Thai King [ Lanang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan:-

Sibu sering menghadapi masalah banjir kilat

- (a) Adakah pemendapan tanah di Batang Rejang merupakan faktor utama atau faktor lain yang mengakibatkan banjir sering berlaku; dan
- (b) Bagaimanakah Kementerian menyelesaikan masalah ini dengan berkesan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir di Bandar Sibul telah berlaku sejak tahun 1949. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kejadian banjir di Bandar Sibul adalah:

- i. Topografi Bandar Sibul dan kawasan persekitarannya yang rendah adalah sebahagian daripada dataran banjir (floodplain) Sungai Batang Rajang;
- ii. Pertambahan air larian permukaan (surface run-off) disebabkan oleh hujan lebat di kawasan hulu (upper) lembangan;
- iii. Kesan air pasang besar terutamanya semasa 'King Tide' memperlambatkan halaju sungai; dan
- iv. Sistem saliran kawasan paya gambut, yang menyebabkan kejadian 'ground subsidence' dan mengakibatkan sebahagian kawasan menjadi rendah daripada paras sungai. Ia memburukkan lagi keadaan sistem perparitan dalaman yang kurang sempurna.

Untuk menyelesaikan masalah banjir di Sibul dengan berkesan, Kementerian bercadang mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i. Cadangan yang paling berkesan ialah dengan membina ban penghalang banjir dan menyediakan sistem pam. Ban banjir akan melindungi bandar daripada banjir manakala pam pula akan digunakan bagi menyalurkan air ke sungai untuk kawasan yang lebih rendah;
- ii. Melaksanakan kerja-kerja pengorekan secara *selective* sepanjang Batang Rajang; dan
- iii. Memperbaiki sistem perparitan dalaman di sekitar Bandar Sibul.

Sekian, terima kasih.

**NO.SOALAN :20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN            LISAN**

**DARI PAD A            Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN  
                                 ISMAIL [MACHANG]**

**TARIKH                    30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**SOALAN:**

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:**

- (a) nyatakan tahap pendapatan isi rumah golongan berpendapatan rendah seperti petani, pekebun kecil, penternak, dan lainnya di dalam kawasan Machang; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan golongan berpendapatan rendah tersebut dapat menyertai ekonomi berpendapatan tinggi seperti mana yang dicadangkan dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber utama maklumat yang digunakan dalam mengukur pendapatan isi rumah penduduk di negara ini adalah berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS). HIS ini biasanya dijalankan dua setengah tahun sekali dan teknik persampelan yang direkabentuk mengambil kira tahap kepersisan (*reliability*) di peringkat nasional, negeri dan kawasan bandar-luar bandar sahaja serta di kawasan bandar dan daerah tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 2009, pendapatan purata bulanan petani (padi) telah meningkat daripada RM1.222 pada tahun 2004 kepada RM1.709 pada tahun 2009 manakala pekerja perikanan daripada RM1,391 kepada RM1,934. Bagi pekerja ladang (pertanian) pula, pendapatannya telah meningkat daripada RM1,813 kepada RM2,054.

Tuan Yang di-Pertua,

Model Baru Ekonomi bukan sahaja tertumpu kepada sektor berasaskan industri dan perkhidmatan malah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi untuk sektor berasaskan komoditi. Oleh itu, bagi memastikan penternak, peladang dan nelayan akan memperoleh faedah daripada program di bawah Model Baru Ekonomi, program pembangunan yang dijalankan adaiah menggunakan pendekatan inklusif yang mana semua rakyat Malaysia akan berkongsi manfaatnya. Melalui program Projek Permulaan atau *Entry Point Project*, sebanyak 3.3 juta pekerjaan baru akan diwujudkan seiring dengan peluang pembangunan perniagaan yang lebih banyak. Melalui program pembangunan modal insan pula, pelbagai program peningkatan keupayaan akan dijalankan bagi membolehkan rakyat menyertai peluang pekerjaan serta membangunkan keusahawanan berdasarkan 60 peluang perniagaan yang diwujudkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Perhatian khusus juga akan diberikan kepada usaha meningkatkan pendapatan golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah termasuk petani, pekebun kecil dan penternak. Antara program yang akan dijalankan adalah latihan semula pekerja-pekerja bagi meningkatkan kemahiran dan produktiviti,

program-program pembangunan seperti penyatuan tanah; penanaman semula dan sokongan pertanian lain untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran dan kepelbagaian hasil komoditi bagi menambah pendapatan pengusaha atau petani. Di samping itu, program pembiayaan kredit mikro juga akan diperluaskan bagi membantu pengusaha menambah modal untuk meningkatkan pengeluaran atau mempelbagaikan produk. Seperti yang dirancang, Kerajaan amat menggalakkan petani dan pekebun kecil melaksanakan amalan pertanian baik, melakukan pengurusan agronomik dan mekanisasi serta mengurangkan kos melalui perolehan berpusat input pertanian seperti baja dan racun perosak. Kerajaan akan terus memberikan sokongan terhadap golongan pengusaha di sektor ini dengan membantu mengukuhkan pemasaran hasil, menggalakkan penggunaan teknologi perladangan moden, membantu dalam penyediaan infrastruktur, kemudahan dan logistik serta mempergiat kerjasama dengan institusi penyelidikan pertanian untuk Kajian dan Pembangunan (R&D).

**NO:21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP  
BIN BUMBURING @ WILFRED [  
TUARAN]**

**TARIKH JAWAPAN**

**30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**NO. 21**

## **SOALAN**

**Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menerima pakai teknologi 'solar harvesting' secara komersial demi untuk menambah usaha untuk mengatasi masalah tenaga di negara ini khasnya di Sabah.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Pihak Kerajaan memang komited dalam mengusahakan langkah-langkah bagi mengatasi masalah tenaga di negara ini khasnya di negeri Sabah. Pihak Kerajaan juga sedia maklum akan kejayaan negara-negara lain dalam penggunaan teknologi 'solar harvesting' secara komersil di mana menurut laporan tahunan *International Energy Agency Photovoltaic Power System Programme (IEA PVPS)*, pada akhir tahun 2009, telah dilaporkan sejumlah 20,0 MW kapasiti tenaga solar fotovoltaik (PV) telah pun disambung kepada sistem grid elektrik di seluruh dunia.**

**Kerajaan sememangnya sedang berusaha untuk memacu pemakaian teknologi solar harvesting khususnya melalui program untuk penjanaan tenaga elektrik dari solar PV yang disambung ke grid utiliti. Program ini yang dikenali sebagai *Malaysia Building Integrated Photovoltaic (MBIPV)* buat masa ini hanya terhad kepada sistem bersaiz 1MW ke bawah. Kerajaan akan memacu inisiatif ini di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Diperbaharu yang merangkumi Akta**

Tenaga Boleh Diperbaharu dan mekanisma *Feed-in Tariff* yang telah pun diluluskan oleh Kabinet pada 2 April 2010.

Dasar dan Pelan Tindakan ini adalah usaha Kerajaan untuk membangunkan industri Tenaga Boleh Diperbaharu secara komersial termasuk tenaga solar. Bagi sistem penjanaan tenaga solar PV skala loji janakuasa, pihak Kerajaan sedang merancang untuk menjalankan kajian *feasibility* kewangan dan teknikal yang menyeluruh untuk menganalisa *cost-benefit* penggunaan teknologi *solar harvesting* secara komersil.

Kerajaan amat peka terhadap keperluan rakyat dan berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan tenaga elektrik terutamanya di negeri Sabah. Walau bagaimanapun aspek-aspek pengukuhan grid dan infrastruktur selain faktor-faktor lain perlu diambil kira serta dikaji terlebih dahulu sebelum keputusan untuk menerima pakai teknologi '*solar harvesting*' secara komersil dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan.

\*\*\*\*\*

*MI- S- %*

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA                      TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)**

**PERTANYAAN :                LISAN**

**TARIKH                            30.11.2010**



**Tuan Loke Siew Fook (Rasah)** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah “cabutan khas” yang telah dijalankan oleh setiap Number Forecast Operator sepanjang tahun 2010, jumlah cukai pertaruhan yang dikutip daripada cabutan khas ini dan sama ada Kerajaan akan terus membenarkan “cabutan khas” dijalankan pada tahun 2011.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 6 Oktober 2010, sebanyak **16 hari** Cabutan Khas telah dijalankan secara serentak oleh semua operator nombor ramalan (NFO) di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, jumlah kutipan cukai pertaruhan untuk Cabutan Khas bagi Tahun 2010 sehingga 3 Ogos 2010 adalah sebanyak RM91, 456, 741.17 (**Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Satu Juta Empat Ratus Lima Puluh Enam Ribu Tujuh Ratus Empat Puluh Satu Dan Tujuh Belas Sen**).

3. Manakala bagi tahun 2011, Kerajaan belum lagi membuat sebarang keputusan sama ada akan terus membenarkan cabutan khas (*special draw*) atau tidak. Kajian sedang dijalankan oleh Kementerian ini berhubung perkara tersebut.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**TARIKH**

**SOALAN**

**JAWAB LISAN**

**TENGGU**

**RAZALEIGH**

**HAMZAH 30 NOVEMBER 2010**

**(SELASA) NO. 23**

**Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ] minta MENTERI**

**PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah sebenar hutang terkumpul Tabung PTPTN sejak ia diwujudkan sehingga saat ini dan apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan kembali wang tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan PTPTN pada 1997 sehingga 31 Ogos 2010, jumlah terkumpul sebenar pinjaman PTPTN yang sepatutnya dibayar balik oleh peminjam adalah sebanyak RM4.0 bilion yang melibatkan seramai 810,029 peminjam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.0 bilion atau 48.1% telah dibayar balik melibatkan seramai 613,627 peminjam. Ini menjadikan jumlah yang masih belum dibayar balik oleh peminjam adalah sebanyak RM2.1 bilion yang melibatkan seramai 196,402 peminjam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, PTPTN sentiasa berusaha bagi memastikan prestasi bayaran balik pinjaman dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Antara tindakan-tindakan yang sedang dan telah diambil bagi meningkatkan lagi prestasi bayaran balik pinjaman adalah seperti berikut:

- i. memperbanyakkan dan mempelbagaikan saluran bayaran balik seperti mewujudkan kaedah bayaran balik melalui potongan gaji secara tetap melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan kemudahan pembayaran melalui kaunter atau secara atas talian (*online*) oleh PTPTN dan ejen-ejen yang dilantik seperti Pos Malaysia dan bank-bank terpilih (Maybank, Bank Islam, CIMB Bank, RHB Bank, Public Bank dan Bank Simpanan Nasional);
- ii. bekerjasama dengan IPT untuk mengadakan taklimat kepada pelajar tahun akhir / bakal graduan tentang kemudahan dan kepentingan membuat bayaran balik pinjaman;
- iii. mengeluarkan surat arahan bayaran balik (bagi peminjam yang telah tamat tempoh pengeluaran dan sepatutnya mula membuat bayaran balik) dan surat-surat peringatan (bagi peminjam yang masih tidak membuat bayaran balik / tidak memberi maklumbalas);
- iv. bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, pihak swasta dan melantik ejen untuk mengesan peminjam;
- v. melantik panel peguam bagi urusan penghantaran Surat Peringatan Terakhir, *Letter Of Demand* (LOD) dan

Saman; dan

- vi. bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia untuk menahan peminjam ingkar daripada keluar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 2010 telah bersetuju supaya kaedah bayaran balik melalui LHDN berasaskan gaji yang diterima oleh pelajar dilaksanakan. Pada masa ini, PTPTN sedang mengadakan perbincangan dengan LHDN dan beberapa agensi Kerajaan yang lain.

**SOALAN NO: 24**

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARI PADA**

**: DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]**

**TARIKH**

**SOALAN**

**: 30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**: Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan

(a)perincian implikasi kewangan subsidi diesel yang telah dikeluarkan kepada nelayan mengikut negeri dan tahun sejak ianya diperkenalkan; dan

(b)langkah-langkah untuk memastikan pengeluaran subsidi diesel ini tidak disalah gunakan oleh pihak tertentu.

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Jawapan (a)**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia merupakan pelaksana bagi Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan mulai tahun 2006. Jumlah kos subsidi yang ditampung oleh Kerajaan adaiah berubah-ubah dari semasa ke semasa mengikut harga pasaran dan maklumat implikasi kewangan yang tepat mengenai pemberian diesel bersubsidi nelayan adaiah dibawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini menganggarkan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk subsidi diesel nelayan bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Julai 2010 adaiah sebanyak RM2.46 bilion. Anggaran ini dikira berdasarkan perbezaan purata harga diesel dipam dengan harga subsidi diesel nelayan iaitu RM0.50 seliter. Perincian perbelanjaan subsidi diesel mengikut negeri mulai tahun 2006 hingga Julai 2010 adaiah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Perbelanjaan Subsidi Diesel Tahun 2006 - Julai 2010 (RM)</b>
<b>Perlis</b>	<b>105,299,674</b>
<b>Kedah</b>	<b>154,012,840</b>
<b>P.Pinang</b>	<b>34,035,670</b>
<b>Perak</b>	<b>601,946,262</b>
<b>Selangor</b>	<b>227,430,785</b>
<b>Melaka</b>	<b>1,112,495</b>

<b>N.Sembilan</b>	<b>406,770</b>
<b>Johor</b>	<b>123,960,965</b>
<b>Pahang</b>	<b>257,344,815</b>
<b>Terengganu</b>	<b>79,536,465</b>
<b>Kelantan</b>	<b>137,326,640</b>
<b>Sarawak</b>	<b>363,972,900</b>
<b>Sabah</b>	<b>353,545,476</b>
<b>W.P. Labuan</b>	<b>23,543,093</b>
<b>Jumlah</b>	<b>2,463,474,850</b>

### **Jawapan (b)**

Langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas dalam mengawal penyaluran diesel bersubsidi kepada nelayan supaya tidak disalahguna oleh pihak tertentu adalah seperti berikut:

- i. menubuhkan Jawatankuasa Induk Pelaksana Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan bagi mengawasi perlaksanaan skim ini berjalan lancar mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Jawatankuasa ini dianggotai jabatan/ agensi penguatkuasa seperti berikut:
  - a. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
  - b. Kementerian Kewangan;
  - c. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
  - d. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan;
  - e. Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
  - f. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;



- g. Jabatan Perikanan Malaysia;
- h. Jabatan Perikanan Sabah;
- i. Jabatan Laut Sabah; dan
- j. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

menetapkan syarat kelayakan nelayan untuk menerima subsidi ini seperti berikut:

- a. memiliki lesen vesel yang sah dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, atau Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah atau Jabatan Laut Sabah; dan
- b. vesel perikanan dalam keadaan selamat dan masih beroperasi menangkap ikan; serta
- c. pemeriksaan vesel akan dibuat oleh Jawatankuasa Pemeriksa Vesel pada setiap tahun bagi memastikan vesel masih beroperasi menangkap ikan dan bukan dalam keadaan sebaliknya seperti rosak, karam ataupun telah dijual kepada orang lain tanpa melalui prosedur yang ditetapkan oleh jabatan/agensi yang berkaitan.

memastikan diesel bersubsidi tidak disalahguna maka setiap vesel diberi peruntukan kuota berdasarkan kepada jenis perkakasan yang digunakan, kelas muatan vesel (Gross Registered Tonnage-GRT) dan zon operasi menangkap ikan. Had kuota yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a. vesel perikanan yang menggunakan perkakasan pukot tradisi yang beroperasi di kawasan Zon A adalah dari 2,000 liter sebulan hingga 15,000 liter sebulan;
- b. vesel perikanan yang menggunakan perkakasan komersial iaitu pukot tunda dan pukot jerut yang beroperasi di kawasan Zon B adalah dari 5,000 liter sebulan hingga 20,000 liter sebulan;
- c. vesel perikanan yang menggunakan perkakasan komersial iaitu pukot tunda dan pukot jerut yang beroperasi di kawasan Zon C dan C2 adalah dari 15,000 liter sebulan hingga 28,000 liter sebulan; dan
- d. setiap pemilik vesel perikanan yang layak akan diberikan kad e- Diesel yang membolehkan maklumat setiap transaksi pembelian direkod dalam *e-Nelayan Subsidy Management System* yang dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bagi tujuan pemantauan dan kawal selia.

pemilik vesel perikanan yang mendapat diesel bersubsidi diwajibkan menandatangani aku janji untuk mematuhi semua syarat yang dikenakan dan membuat pengisytiharan hasil tangkapan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia setiap kali balik daripada operasi menangkap ikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :       BAGI JAWAB LISAN**

**DARI PADA           DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG  
MALIM)**

**TARIKH               30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**SOALAN              25**

**Dato' Seri Ong Kachuan (Tanjong Malim) minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan**

- (a) bilangan kenderaan dan pemandu yang masih disenarai hitam oleh Jabatan Pengangkutan Jalan atas pelbagai kesalahan lalu lintas; dan
- (b) berapa banyak saman yang telah dikeluarkan dan tunggakan kompaun yang belum dibayar untuk tempoh mulai tahun 2005 hingga tahun 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan kenderaan yang masih disenarai hitam oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi tempoh sehingga 30 September 2010 atas pelbagai

kesalahan lalu lintas adalah sebanyak 5,757,250 buah kenderaan. Manakala jumlah pemandu yang telah disenarai hitam bagi tempoh yang sama ialah seramai 659,125 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh mulai tahun 2005 sehingga September 2010, JPJ telah mengeluarkan sebanyak 3,374,281 saman bagi kesalahan-kesalahan lalu lintas. Manakala jumlah tunggakan kompaun yang masih belum dibayar bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM106,535,651.

## SOALAN 26

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

#### PERTANYAAN

DARIPADA **LISA  
N Y.B. TUAN LIM LIP ENG**

**[SEGAMBUT]**

TARIKH **30 NOVEMBER 2010**

SOALAN **Meminta MENTERI**

**PELANCONGAN menyatakan:**

**Jumlah keseluruhan kos Malaysia Pavilion di Shanghai World Expo 2010 termasuk kos bangunan, pengangkutan, gaji, elaun, penginapan dan sebagainya, berapakah pelawat yang telah mengunjungi Malaysia Pavilion dan kedudukan jumlah pelawatnya (ranking) berbanding dengan negara-negara lain.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, perbelanjaan keseluruhan Kerajaan Malaysia bagi penglibatan dalam Ekspo Dunia di Shanghai dari 1 Mei 2010 hingga 31 Oktober 2010 adalah berjumlah RM 35 juta dengan pecahan kos seperti berikut:

- a) RM 20 juta - kos pembinaan astaka
- b) RM 15 juta - kos operasi

Kos pembinaan astaka ini adalah termasuk kos mereka bentuk, membina, menyelenggara dan merobohkan astaka setelah selesai tempoh pameran.

Kos operasi pula adalah termasuk perbelanjaan penerbitan risalah dan cenderamata, penghantaran barang promosi dan bahan pameran, kos penyertaan MATRADE, MIDA dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), urusan publisiti dan pengiklanan, penghantaran

pegawai, kakitangan serta kumpulan kebudayaan yang bertugas di astaka,

bayaran kepada petugas dan pengurus astaka, majlis perasmian Astaka Malaysia serta Majlis Sambutan Hari Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pavilion Malaysia telah berjaya menarik jumlah kedatangan pelawat yang memberangsangkan iaitu 6,903,531 pelawat sehingga 31 Oktober 2010 yang merupakan 9.45 peratus daripada jumlah pelawat keseluruhan ke Expo iaitu seramai 73,084,200 orang. Ini merupakan catatan yang membanggakan kerana terdapat 176 buah negara yang terlibat dalam World Expo Shanghai 2010.

Berkaitan *'ranking'* pavilion Malaysia berdasarkan jumlah pelawat, Kementerian sering menyemak laman web rasmi penganjur World Expo Shanghai 2010 dan mendapati maklumat berhubung ranking tersebut tidak pernah dimuatkan. Catatan pelawat di setiap pavilion juga tidak dimaklumkan oleh pihak penganjur. Perbandingan yang adil pula sukar dilaksanakan memandangkan saiz pavilion serta

**aliran trafik yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, berikut disenaraikan jumlah kedatangan pelawat ke beberapa pavilion yang berhampiran pavilion Malaysia**



berdasarkan maklumat yang dimuatkan dalam laman web masing-masing iaitu:

<b>Negara</b>	<b>Jumlah pelawat</b>
<b>Thailand</b>	<b>6,458,248 (30 Oktober 2010)</b>
<b>Filipina</b>	<b>Lebih 8 juta (31 Oktober 2010)</b>
<b>Indonesia</b>	<b>8 juta (30 Oktober 2010)</b>
<b>Australia</b>	<b>8,182,259 (31 Oktober 2010)</b>

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA                   TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)**

**PERTANYAAN   :   LISAN**

**TARIKH                       30.11.2010**

**Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pampasan yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Proton Nasional Berhad untuk dibayar kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutifnya, Y.M. Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Tengku Ariff.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pertikaian antara bekas Ketua Pengarah Eksekutif Kumpulan PROTON Holdings Berhad (PROTON) Y.M. Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Tengku Ariff dengan PROTON, telah mengambil masa yang agak lama dan sebagai sebuah entiti berdaya maju, PROTON telah mengambil langkah sewajarnya untuk menyelesaikan perkara ini dengan seberapa segera dan sebaik mungkin bagi mengelakkan sebarang isu sampingan yang mungkin boleh menjejaskan reputasi PROTON di pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Sehubungan itu, sebagai jalan penyelesaian terbaik, pihak Lembaga Pengarah PROTON telah bersetuju untuk membayar sejumlah pampasan seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, nilai pampasan yang dibayar tidak dapat dinyatakan sebagai mematuhi syarat perjanjian, kerana sebarang pelanggaran terhadap syarat perjanjian tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.

**NO. AUM : 9**

**NO. AUP : 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : DR. MOHD HATTA BIN MD  
RAMLI [ KUALA KRAI ]**

**DARIPADA 30 NOVEMBER 2010**

**3123**

**TARIKH**

**RUJUKAN  
LISAN**

**SOALAN:**

**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan serius untuk mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan bila pindaan yang dihebohkan itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kuala Krai yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian dalam proses kajian terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA). Dalam hubungan ini Kementerian telah turut mengadakan sesi-sesi Pertemuan Awam (*Public Engagement*) bagi mendengar pandangan serta mendapatkan buah fikiran dari semua pihak dan *stakeholders*. Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh agensi-agens penguat kuasa, badan-badan bukan kerajaan, pakar akademik, pengamal undang-undang, ahli-ahli politik, ahli-ahli parlimen, pengamal media serta orang awam telah diambil kira dan diberikan perhatian di dalam usaha penambahbaikan dan pindaan kepada Akta ini.

Hasil daripada siri pertemuan awam tersebut, Kementerian juga telah mengenalpasti lima (5) isu pokok yang menimbulkan ketidakpuashatian sesetengah pihak terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan ISA. Lima (5) isu pokok tersebut adalah;

1. kuasa-kuasa Menteri;
2. tempoh tahanan;
3. hak-hak dan layanan terhadap orang tahanan;
4. persepsi umum-perlaksanaan AKDN 1960; dan

## **5. penahanan tanpa bicara.**

Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri pada 19 Mac 2010 telah mengambil maklum perkara ini dan telah menetapkan supaya kajian dilanjutkan kepada akta-akta atau undang-undang pencegahan yang lain. Hasil daripada kajian selanjutnya itu, Kementerian telah memutuskan untuk turut melakukan semakan dan kajian terhadap lima (5) lagi iaitu Akta Kediaman Terhad 1933, Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan Akta Buang Negeri 1959.

Dalam hubungan ini, pihak kerajaan tidak akan tergesa-gesa dalam melaksanakan pindaan terhadap akta-akta tersebut. Ia akan dilakukan setelah kajian dan semakan yang mencukupi bagi memastikan pindaan yang ingin dilakukan benar-benar berkesan dan tidak mendatangkan masalah baru dari segi perundangan, pelaksanaan dan sebagainya.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA                      TUAN SALLEH BIN KALBI**

**[ SILAM ]**

**PERTANYAAN    :    LISAN**

**TARIKH                      30.11.2010**

**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk memastikan bahawa dana yang diperuntukkan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) digunakan sepenuhnya untuk menjalankan program-program yang akan dapat memberi

impak terhadap pembangunan negara; dan

- (b) apakah Kementerian berhasrat untuk menetapkan skala gaji kakitangan pengurusan NGO supaya dana yang diberi tidak disalah gunakan dan dihabiskan untuk tujuan pembayaran gaji sahaja sedangkan badan tersebut tidak memberikan sebarang input terhadap pembangunan sosioekonomi negara.

I

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian bantuan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) adalah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal. Dalam melaksanakan kuasa tersebut, Pegawai Pengawal perlu mematuhi Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan melalui Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 5 November 1997.

Mengikut peraturan yang ditetapkan, pemberian bantuan Kerajaan hanya dihadkan kepada NGO yang berdaftar dengan mana-mana Pendaftar atau kuasa undang-undang negara.

Keutamaan diberikan kepada NGO yang menjalankan aktiviti berbentuk kebajikan, kesejahteraan masyarakat, pembangunan sosial, belia dan sukan tanah air. Pegawai Pengawal perlu memastikan program/aktiviti NGO adalah selaras dengan dasar dan objektif Kementerian/Jabatan/Agensi serta memberi manfaat kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang menyalurkan bantuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, NGO yang memohon untuk mendapatkan bantuan Kerajaan perlu menyediakan kertas kerja lengkap termasuk maklumat kedudukan kewangan terkini, anggaran keperluan kewangan program/aktiviti secara terperinci, keterangan projek dan jangkaan faedah kepada masyarakat, butir-butir pemberian yang diterima daripada Kementerian/Jabatan lain serta perancangan meneruskan aktiviti tanpa bantuan tambahan daripada

Kerajaan. NGO juga perlu mengemukakan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan, laporan kemajuan program/aktiviti serta laporan akhir kepada Kementerian/Jabatan yang menyalurkan bantuan. Kementerian/Jabatan berhak menarik balik kelulusan dan meminta dikembalikan wang bantuan yang telah dikeluarkan sekiranya NGO gagal melaksanakan program/aktiviti sebagaimana yang dipersetujui atau melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian bantuan kepada NGO adaiiah terhad kepada pembiayaan ke atas program/aktiviti yang dijalankan oleh NGO dan bukannya untuk membiayai gaji atau menampung kos pengurusan badan-badan tersebut. Sehubungan ini, Kementerian Kewangan sedang mengambil tindakan untuk meneliti semula Garis Panduan sedia ada bagi meningkatkan lagi keberkesanan pemberian bantuan kepada NGO.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB. DR. LEE BOON CHYE  
[ GOPENG ]**

**TARIKH JAWAPAN**

**30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**NO. 30**

**SOALAN**

**Dr. Lee Boon Chye minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**



**N0:30**

menyatakan jumlah penyertaan dalam projek “Suria 1000” sejak projek ini dimulakan pada 2007.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan amat komited untuk membangunkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu (*Renewable Energy-RE*) bagi penjanaan elektrik di negara ini secara menyeluruh sebagai pelengkap (*complement*) campuran penjanaan (*generation mix*) dalam usaha mempelbagai sumber penjanaan termasuklah dengan menggunakan tenaga solar. Ini dapat dilihat daripada usaha-usaha Kerajaan dalam menggalakkan penggunaan tenaga solar di bawah *Projek Malaysian Building Integrated Photovoltaics (MBIPV)* yang diperkenalkan pada Januari 2005 serta insentif-insentif fiskal yang disediakan bagi penjanaan elektrik daripada tenaga solar serta peralatan solar. Di bawah projek MBIPV ini, program Suria 1000 telah diperkenalkan pada bulan Jun 2007 untuk memberi peluang penglibatan bagi sektor domestik dan komersial di dalam bidang Tenaga Boleh Diperbaharu menggunakan sistem solar fotovoltaiik (PV).

Program SURIA 1000 merupakan usaha awal Kerajaan bagi mengenal pasti penerimaan orang ramai terhadap teknologi BIPV. Semenjak program ini dilancarkan, 179 pemohon telah berjaya mendapat diskaun yang merangkumi rumah-rumah serta bangunan-bangunan komersial dengan kapasiti sistem

**berjumlah 1,524 kWp (kilowatt peak). Agihan projek mengikut negeri adalah seperti berikut, Kuala Lumpur (43), Selangor (78), Negeri Sembilan (2), Melaka (5), Johor (11), Kedah (1), Pahang (1), Perak (5), Pulau Pinang (9), Putrajaya (16) dan Sarawak (8).**

**Usaha-usaha yang dilaksanakan melalui projek MBIPV tersebut telah dapat meningkatkan kapasiti tenaga solar yang akan disambung ke grid sebanyak**

439%, iaitu kepada 2.5 MW (dianugerahkan sehingga Jun 2010) berbanding pada tahun 2005 (468 kW) dan mengurangkan kos unit sistem BIPV sebanyak 39%, daripada RM31/W (pada tahun 2005) kepada RM19/W (Jun 2010). Program SURIA1000 juga telah mengesahkan bahawa pihak orang ramai termasuk syarikat sanggup membayar secara purata di antara 50% sehingga 70% daripada kos penuh sistem solar BIPV.

Analisa oleh Kementerian ini berdasarkan sambutan yang diterima, ternyata sistem BIPV telah diterima baik dan adalah popular. Ini kerana, sistem BIPV merupakan satu-satunya teknologi RE yang boleh dipasang di rumah-rumah kediaman. Hasil usaha program SURIA 1000 ini telah memberi hala tuju yang lebih jelas kepada pihak Kerajaan untuk melaksanakan program susulan bagi mencapai matlamat kapasiti sumber tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharu.

53\* 33? 33? 535

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                      BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA                      TUAN AARON AGO ANAK DAGANG  
[KANOWIT]**

**T ARIKH                          30 NOVEMBER 2010**

**SOALAN                          31**

**Tuan Aaron Ago Anak      Dagang      [Kanowit]      minta      MENTERI  
PENGANGKUTAN**

menyatakan punca sebenar yang menyebabkan kadar kemalangan jalan raya meningkat setiap tahun walaupun kempen keselamatan jalan raya sering dilakukan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa menjalankan kempen keselamatan dan kajian-kajian mengenai keselamatan jalan raya dari semasa ke semasa. Malahan, cara-cara untuk menangani kadar kemalangan jalan raya yang kian meningkat selaras dengan peningkatan bilangan kenderaan berdaftar di negara ini juga dititik beratkan.

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), terdapat 3 komponen utama yang menyumbang kepada berlakunya kemalangan jalan raya iaitu:

(i) faktor kelalaian manusia

sebanyak 67%;

(ii) faktor persekitaran sebanyak

28%; dan

(iii) faktor keadaan kenderaan

sebanyak 5%.

Bagi menangani komponen kemalangan di atas, Kerajaan menumpukan kempen terhadap perubahan sikap pengguna jalan raya, menggalakkan peningkatan keselamatan jalan raya dari segi infrastruktur dan kejuruteraan jalan serta meningkatkan pematuhan standard bagi kenderaan- kenderaan di dalam negara.

**NO. AUP : 3<sup>^</sup>**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH 30 NOVEMBER 2010**

**RUJUKAN 3125**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

**(a) apakah usaha yang telah dilakukan untuk mencegah meningkatnya pertaruhan judi bola sepak di negara ini; dan**

**(b) berapakah bilangan bookies bola sepak yang dapat ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah semasa pertandingan Bola Sepak Piala Dunia 2010 serta berapakah jumlah wang pertaruhan yang dapat dikesan.**

**JAWAPAN**

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), pihak polis telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menubuhkan satu *Task Force* untuk menangani aktiviti pertaruhan judi bola sepak. *Task Force* ini diwujudkan di peringkat Bukit Aman, Kontinjen dan Daerah untuk membanteras segala kegiatan pertaruhan sempena

Perlawanan Piala Liga Eropah / Piala Dunia 2010. *Task Force* ini mempunyai jaringan bekerjasama dengan Interpol General Secretariat Asia Pacific Expert Group On Asia Organised Crime yang berpangkalan di Lyon, France;

- (ii) mengenal pasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram bola sepak dan menuduh mereka di bawah undang-undang yang berkaitan;
- (iii) mengambil tindakan ke atas penganjur dan pengusaha haram di bawah undang-undang pencegahan iaitu Akta Kediaman Terhad 1933 dan Ordinan Darurat 1969; dan

- (iv) mengadakan operasi-operasi ke atas tempat-tempat yang telah dikenal pasti menjalankan kegiatan perjudian haram bola sepak.

Bagi menjawab soalan (b) pula, seramai 227 orang telah ditangkap semasa serbuan dan sebanyak 8 kes telah dituduh mahkamah dengan anggaran nilai pertaruhan sebanyak RM417.9 juta telah dikesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PADA**

**YB DATUK DR. MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]**

**TARIKH JAWAPAN**

**30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

**NO. 33**

**SOALAN**

**Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan**

- (a) sama ada "Pelan Bekalan Elektrik Cukup" Kementerian bagi negeri Sabah boleh dicapai menjelang akhir tahun ini; dan
- (b) sama ada pihak Kementerian bersedia untuk menggunakan teknologi Nas Battery bagi mengatasi masalah bekalan elektrik di negeri Sabah.



**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Tujuan penyediaan Pelan Pembekalan Elektrik di Negeri Sabah adalah untuk membantu menyelesaikan masalah kekurangan bekalan elektrik di negeri tersebut dari segi aspek penjanaan, penghantaran dan pembahagian dan ianya merangkumi perancangan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang, khususnya bagi memenuhi permintaan bekalan elektrik yang semakin meningkat.

Pendekatan jangka pendek telah dilaksanakan sejak tahun 2009 dengan perolehan set-set jana kuasa mudah alih dengan kapasiti berjumlah 80MW di Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah. Situasi pembekalan elektrik di negeri Sabah bagi tahun ini juga bertambah baik apabila Stesen Jana Kuasa Berasaskan Gas oleh Ranhill Powertron II telah mula beroperasi dengan kapasiti sebanyak 130MW pada Julai 2010. Apabila stesen ini beroperasi sepenuhnya iaitu mencapai 190MW pada penghujung tahun 2010, adalah diharap negeri Sabah akan mendapat bekalan elektrik yang lebih berdaya harap.

Di samping itu, dengan mengambil kira peningkatan permintaan bekalan elektrik pada masa hadapan, Kerajaan telah meluluskan pembinaan dua (2) buah loji jana kuasa di Pantai Barat Sabah iaitu Projek Stesen Jana Kuasa SPR Energy dan Projek Stesen Jana Kuasa Kimanis Power Sdn Bhd dan sebuah (1) loji jana kuasa di Pantai Timur Sabah iaitu Projek Stesen Jana Kuasa Lahad Datu Energy.

**Pembinaan loji jana kuasa di Pantai Timur Sabah diperlukan untuk mengukuhkan sistem bekalan elektrik memandangkan kebanyakan loji jana kuasa yang berdaya harap adalah terletak di Pantai Barat Sabah.**



K/6`Sn^rUAr^:3^

**Y.B. Tuan Amran bin Ab. Ghani [ Tanah Merah ]** minta **PERDANA**

**MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk  
mewujudkan satu Jawatankuasa khusus di Parlimen untuk  
memantau Menteri-menteri yang tidak menjawab atau memberi  
jawapan yang menyeleweng dari soalan asal.

/s  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa khusus  
di Parlimen kerana peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam  
Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat adalah mencukupi  
bagi memantau Menteri-menteri menjawab soalan-soalan di dalam  
Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih^

**NO. SOALAN : 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA**

**Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [Hulu Rajang]**

**TARIKH**

**30 November 2010**

**SOALAN**

**Y.B. Datuk Billy Abit Joo (Hulu Rajang) minta PERDANA MENTERI menyatakan rancangan mempertahankan sekuriti nasional di kawasan pertengahan Sarawak terutamanya kini setelah siapnya pembinaan empangan Bakun dan dengan pembinaan empangan Murum sedang giat dijalankan.**

**JAWAPAN**

**Pembinaan empangan Bakun oleh Sarawak Hydro telah mengambil kira semua piawaian antarabangsa dari segi keselamatan pengurusan risiko serta penyeliaan terhadap struktur empangan. Kerajaan juga telah memperincikan dokumen tatacara pengurusan keselamatan empangan melalui dokumen Pelan Tindakan Kecemasan (*emergency response plan*)**

dan dokumen pengurusan Pasukan Tindakan Kecemasan (*emergency response team*). Bagi memastikan keselamatan sentiasa terpelihara Empangan Bakun diwartakan sebagai kawasan larangan dan tempat larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959

disamping mewujudkan pasukan kawalan keselamatan bertujuan memberi kawalan 24 jam terhadap empangan tersebut.

NO. SOALAN: 36

### **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO**

**TARIKH 30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada ataupun tidak Kerajaan akan meminda undang-undang untuk menghentikan hukuman mati di Negara ini dan sekiranya ya, kenapa dan sekiranya tidak, kenapa.

**JAWAPAN: DATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan masih belum bercadang untuk meminda undang-undang untuk memansuhkan hukuman mati di Negara ini. Namun, Kerajaan menyambut baik apa-apa cadangan yang diberikan oleh mana-mana pihak yang

menyokong supaya hukuman mati dimansuhkan. Cadangan tersebut akan

diberi pertimbangan yang sewajarnya setelah kajian yang menyeluruh dan penelitian yang rapi dibuat dalam pelbagai aspek dan juga setelah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak. Perkara ini adalah perlu kerana pemansuhan hukuman mati akan memberikan impak yang besar kepada sistem perundangan Negara ini. Pindaan yang sewajarnya juga perlu dibuat kepada undang-undang jenayah yang tertentu sekiranya hukuman mati dimansuhkan di Negara ini.

**NO. AUP : 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [ LIMBANG ]**  
**TARIKH 30 NOVEMBER 2010**  
**RUJUKAN 3124**

**SOALAN:**

**Tuan Hasbi bin Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan

(a) mengapakah daerah Limbang masih dijadikan tempat Pembuangan Daerah untuk pesalah/penjenayah sedangkan perkara ini mendapat bantahan dari rakyat di kawasan tersebut



kerana secara tidak disedari pesalah/penjenayah ini mempengaruhi belia-belia dan remaja-remaja tempatan; dan

(b) apakah buang daerah masih berkesan dan relevan kerana ada aduan-aduan penjenayah yang telah menyelinap keluar daerah untuk urusan mereka tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Limbang yang telah mengemukakan soalan.

Pihak Kementerian mengambil maklum dan prihatin mengenai kebimbangan penduduk setempat terhadap individu-individu yang dikenakan Perintah Sekatan di kawasan mereka.

a) Sebagai makluman Yang Berhormat, terdapat beberapa undang-undang yang memberikan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan Perintah Sekatan terhadap mana-mana orang yang ditangkap oleh pihak PDRM akibat melakukan kesalahan tertentu. Antara undang-undang yang memberikan kuasa kepada Menteri Dalam Negeri ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Ordinan

**NO. AUM : 26**

Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Kediaman Terhad 1933.

Secara keseluruhannya, mengenai bantahan penduduk di Limbang, pihak Kementerian akan mengkaji dan menyiasat keberkesanan orang yang dikenakan perintah sekatan tersebut



Berdasarkan kepada statistik PDRM, sehingga kini hanya terdapat satu (1) orang penjenayah sahaja yang dikenakan perintah sekatan di daerah Limbang di bawah Ordinan Darurat 1969 (Ketenteraman Awam Mencegah Jenayah). Penjenayah ini diambil tindakan kerana melakukan kegiatan jenayah dan aktiviti-aktiviti haram di negeri Sarawak.

b) Selain melalui proses mahkamah, pihak kerajaan perlu melaksanakan Akta-akta berkenaan bagi tujuan mengatasi masalah kes-kes jenayah dan dadah yang berlaku di dalam negara. Perintah Sekatan di sesuatu Mukim dan Daerah tertentu bertujuan untuk mengasingkan seseorang individu yang dikenakan tindakan dari kumpulan atau rakan sejenayah serta mengelakkannya daripada terus melakukan jenayah. Selain itu dengan pengasingan tersebut ianya terbukti mampu melumpuhkan kegiatan jenayah terbabit dan mengelakkan individu berkenaan dari terus melakukan jenayah. Bagi mencapai matlamat ini individu yang dikenakan Perintah Sekatan akan dipantau melalui pengawasan yang ketat oleh pihak PDRM dan laporan mengenai prestasinya akan dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri bagi tindakan selanjutnya. Sekiranya individu terbabit melakukan kesalahan atau melanggar syarat semasa dalam Perintah Sekatan maka PDRM akan mengambil tindakan mahkamah terhadapnya.

**NO. AUM : 35**

**NO. AUP : \*\*,%**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[POKOK SENJA]**

**DARIPADA 30 NOVEMBER 2010**

**TARIKH 3126**

**RUJUKAN  
LISAN**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI DALAM  
NEGERI menyatakan**

- (a) atas peruntukan dan undang-undang mana PDRM menyenarai hitam pemilik kenderaan yang dikaitkan dengan kesalahan trafik; dan
- (b) syarikat mana yang mendapat kontrak membekal alat pengesan had laju yang digunakan oleh Polis Trafik.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a) tindakan yang diambil oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menyenarai hitam pemilik kenderaan yang terlibat dengan kesalahan trafik adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987). Antara seksyen-seksyen berkaitan yang digunakan di bawah akta tersebut adalah seperti berikut:-

i) Seksyen 17(1 )(d) APJ 1987

Tidak membenarkan memperbaharui cukai jalan sekiranya terdapat apa jua hal yang belum selesai dengan polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);

ii) Seksyen 29(1A) APJ 1987

Tidak membenarkan memperbaharui lesen memandu jika ada hal yang belum selesai dengan polis atau JPJ;

iii) Seksyen 109 APJ 1987

Pemilik kenderaan adalah dianggap sebagai pemandu kenderaan ketika kesalahan dilakukan jika beliau tidak

mengemukakan siapakah pemandu ketika kesalahan dilakukan;  
dan

iv) Seksyen 115 APJ

Jika pemandu kenderaan ketika kesalahan dikesan bukan pemilik kenderaan itu, maka pemilik dikehendaki kemukakan siapakah pemandu berkenaan kepada pengeluar notis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada penerimaan notis. Kegagalan berbuat demikian merupakan satu kesalahan dan saman tambahan boleh dikeluarkan.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi menjawab soalan (b) pula sejak alat pengesanan had laju digunakan oleh PDRM pada tahun 1995, dua (2) buah syarikat telah diberi kontrak untuk membekal dan menyelenggara alat-alat tersebut. Kedua-dua syarikat tersebut adalah Syarikat Visi Group Resources Sdn. Bhd. yang telah diberi kontrak untuk membekalkan alat *Laser Speed Detection System* (LSD) manakala syarikat Central Management Catalogue Agency Sdn Bhd pula membekalkan *Laser Speed Trucam and Hoping Software* kepada PDRM.

**NO.AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**NO. AUM : 2**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]**  
**TARIKH 30 NOVEMBER 2010**  
**RUJUKAN 3122**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian menjalankan kajian persepsi rakyat Malaysia terhadap pihak polis yang sering memandang negatif kepada Pasukan Polis.



## **JAWAPAN:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibuti yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, PDRM telahpun menjalankan kajian persepsi rakyat Malaysia terhadap pihak polis. Antara objektif kajian adalah untuk mengukur persepsi masyarakat terhadap tiga perspektif kepolisan iaitu kehadiran polis, keyakinan terhadap tindakan pencegahan jenayah yang dilaksanakan dan pewujudan rasa selamat di kalangan masyarakat.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan hasil kajian, secara keseluruhannya masyarakat Malaysia berpandangan bahawa kehadiran polis dan usaha-usaha mencegah jenayah yang dijalankan adalah memuaskan.

Ini disokong dengan penemuan kajian yang dijalankan oleh Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) PDRM di empat kontinjen NKRA yang mendapati 27.1% daripada responden menyatakan bahawa mereka berasa selamat. Kajian TNS *International Research* mendapati peratusan yang tinggi terhadap ketakutan terhadap jenayah atau *fear of crime* di empat kontinjen NKRA iaitu 61.2%.

Kajian ini juga mengesahkan bahawa kehadiran polis memberi impak yang tinggi kepada keyakinan masyarakat terhadap tindakan pencegahan

jenayah yang dijalankan.

Tuan Yang Dipertua,

Dari hasil kajian ini juga, PDRM telah mengambil tindakan untuk menambah baik bagi mempertingkatkan keyakinan dan pewujudan rasa selamat masyarakat Malaysia.

Antara penambahbaikan yang dikemukakan khususnya Kontinjen-kontinjen di Sarawak, Kedah, Sabah, Kuala Lumpur dan Terengganu yang mempunyai persepsi rendah terhadap kehadiran polis ialah:

- (a) Mempertingkatkan penugasan atau program-program *omnipresence* dengan lebih berkesan lagi terutama ke atas penempatan pangsapuri dan kondominium.
- (b) Kontinjen-kontinjen Pulau Pinang, Sarawak, Kuala Lumpur, Perlis dan Sabah disaran supaya memperhebatkan promosi program-program pencegahan jenayah kepada masyarakat terutama kepada masyarakat Melayu dan Cina, penjawat awam, kaum wanita dan kumpulan yang berumur 20 hingga 39 tahun supaya dapat memberi penerangan dan keyakinan yang lebih berkesan.

Tuan Yang Dipertua,

Kontinjen-kontinjen Pahang, Selangor, Sabah, Kelantan dan Pulau Pinang yang mempunyai peratusan persepsi pewujudan rasa selamat di tahap tinggi yang agak rendah disaran supaya mempertingkatkan program-program kepolisan masyarakat terutama terhadap kumpulan

masyarakat berbangsa India, Cina, penempatan tersusun dan luar bandar serta mereka yang mendiami perumahan kondominium. Selain itu, pihak polis akan mengkaji semula program- program pencegahan jenayah kepolisan masyarakat yang menyumbang kepada persekitaran selamat untuk menentukan keberkesanannya. Sehubungan dengan itu juga, latihan mengenai kajian semula dan kajian impak dengan menggunakan metodologi penyelidikan secara saintifik akan dibuat di peringkat Ketua Polis Balai dan Ketua Polis Daerah untuk menilai pencapaian program yang telah dilaksanakan.

*tfo*

**SOALAN NO^atf"**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD**

**GHAZALI [TITIWANGSA]**

**TARIKH**

**SELASA, 30 NOVEMBER 2010**

**RUJUKAN**

**11[PR-1233-L40021]**

**SOALAN**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan rancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam menaikkan taraf Pasar Chow Kit dan Pasar Pudu yang dalam keadaan daif, kotor dan tertinggal dari

arus pembangunan serta rancangan pengurusan sampah DBKL dan Alam Flora di Titiwangsa dan Kuala Lumpur keseluruhannya yang masih di tahap yang sangat tidak memuaskan terutama pengurusan sampah di pasar-pasar seperti Pasar Chow Kit.

Tuan Yang di-Pertua,

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) belum mempunyai perancangan khusus untuk pembangunan Pasar Chow Kit. Bagaimanapun, DBKL

sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan berterusan di Pasar Chow Kit dan meningkatkan kebersihan di kawasan itu melalui program- program kebersihan dan gotong-royong anjuran DBKL.

Kerajaan bersimpati dengan nasib para pemilik 20 deretan kedai pasar basah Chow Kit yang terlibat dalam satu kebakaran pada 18 November 2010 lalu. Sehubungan itu, DBKL akan cuba mempercepatkan tempoh membaik pulih kedai terbabit bagi membolehkan para peniaga menyambung semula perniagaan mereka secepat mungkin. Kerajaan juga sedang mengkaji untuk menaiktaraf Pasar Chow Kit sealiran dengan pembangunan kawasan Kampong Bharu.

Berhubung rancangan pembangunan Pasar Pudu pula, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM1 juta** bagi membaik pulih dan menaik taraf pasar tersebut. Pelan untuk menaik taraf Pasar Pudu telah siap dan kontraktor juga telah dilantik. DBKL juga telah mengenalpasti beberapa tapak alternatif yang sesuai untuk dijadikan pasar sementara sepanjang tempoh kerja-kerja menaik taraf dilaksanakan.

Namun, sehingga kini cadangan menaik taraf Pasar Pudu belum dapat diteruskan kerana Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) masih belum mendapat maklum balas positif daripada pihak persatuan serta persetujuan sebulat suara daripada peniaga- peniaga di pasar ini.



**KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah kedudukan terkini harga barangan keperluan asas rakyat dan apakah kesan yang bakal dibawa oleh pelaksanaan GST kelak kepada tanggungan hidup rakyat keseluruhan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Bahagian Penguatkuasa** melaksanakan analisis trend pergerakan harga dari bulan ke bulan sebanyak **100 daripada 573 jenis barang** keperluan pengguna yang telah dipilih. Barang yang dipilih untuk perbandingan ini adalah merupakan antara barang keperluan pengguna yang popular mewakili kumpulan barangan ayam dan daging, buah-buahan, hasil laut, sayur-sayuran dan kelapa, telur, barangan kering, bahan minuman, barang-barang tersedia bungkus seperti gula, marjerin, kicap dan sos, minuman ringan, minyak masak, susu untuk tumbesaran bayi, susu, tepung dan rempah ratus.

Berdasarkan **analisis perbandingan harga runcit purata nasional** pada bulan **September 2010 berbanding bulan Januari 2010**, **perubahan** harga adalah **antara 0.15 hingga 51.86 peratus**.

**Secara keseluruhannya**, analisis perbandingan harga runcit purata bulan September 2010 berbanding bulan Januari 2010 mendapati **aliran harga adalah stabil** dan menunjukkan **trend penurunan bagi kumpulan barang ikan dan susu untuk tumbesaran bayi**.

**Perubahan harga** runcit purata nasional **pada kadar perubahan yang rendah dan normal** dalam pasaran semasa **kecuali** bagi beberapa barang seperti **bawang putih (China), halia basah (tua) dan cili merah**. Faktor yang menyebabkan perubahan harga barang berkenaan adalah seperti di Maklumat Tambahan. **Aliran perubahan harga barang lain adalah tidak menyeluruh dan hanya berlaku di pusat pungutan dan zon tertentu** sahaja disebabkan faktor penawaran dan permintaan pasaran setempat di pusat-pusat pungutan.

**Kementerian turut menghebahkan hasil analisis** pergerakan harga **melalui artikel** yang diterbitkan **di akhbar tempatan**. **Walau bagaimanapun, tidak semua barang runcit** berkenaan **dikawal harganya oleh Kerajaan**. Secara tidak langsung, **permintaan dan penawaran masih merupakan unsur utama dalam penentuan harga** sesuatu barang di pasaran. **Faktor-faktor lain** yang turut mempengaruhi harga barangan termasuklah **kenaikan harga bahan mentah, harga import, struktur sewa tanah/bangunan, struktur upah/gaji** dan sebagainya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan penangguhan pelaksanaan GST. Ini adaiiah bertujuan untuk memastikan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan GST dapat disiapkan dengan lengkap dan teratur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, GST akan memberi kesan yang minimum kepada rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah kerana pelaksanaan GST sebenarnya adaiiah untuk menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada.

Kadar GST yang akan dikenakan adalah lebih rendah daripada kadar cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada. Selain daripada itu, beberapa makanan asas seperti beras, gula, tepung, minyak masak, sayuran, ikan dan daging ternakan, telur dan kemudahan perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan, pengangkutan awam, rumah kediaman dan tanah pertanian tidak dikenakan GST.

**DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH 30.11.2010**

**Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:**

- (a) ragam dan ciri-ciri pelaburan KWSP berjumlah RM 4.88 bilion di pasaran hartanah United Kingdom. Nyatakan sama ada ianya merupakan pelaburan buat jangka pendek atau panjang; dan
- (b) bagaimana KWSP dapat memastikan bahawa pelaburan itu adalah yang terbaik untuk menjaga kepentingan para pencarumnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah mengenalpasti pelaburan secara terus dalam hartanah di United Kingdom dengan jumlah pelaburan dianggarkan sebanyak £900 juta atau bersamaan dengan RM4.47 bilion.



Pelaburan hartanah di United Kingdom merupakan pelaburan jangka panjang dan disasarkan dalam segmen komersial termasuk ruang pejabat, industri, kompleks beli-belah dan gudang.

KWSP sentiasa mengambil langkah-langkah secara teratur untuk memastikan risiko pelaburan adalah terkawal dan pelaburan menghasilkan pulangan yang terbaik untuk kepentingan pencarum. Pelaburan hartanah di United Kingdom dapat memberi pulangan yang setimpal dengan kelas aset pelaburan yang lain. Pihak KWSP telah menjalankan kajian yang terperinci bersama penasihat-penasihat pelaburan seperti Deloitte, ING Real Estate Investment dan RREEF (anak syarikat Deutsche Bank Group) ke atas pulangan pelaburan hartanah di United Kingdom. Pelaburan tersebut dijangka dapat memberi pulangan konsisten dengan minima sebanyak 5% dari penyewaan serta pulangan keseluruhan pelaburan pada kadar pulangan dalaman (IRR) sebanyak 10%, iaitu setanding dengan pelaburan lain dalam negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP berpendapat pelaburan hartanah di United Kingdom wajar diteruskan atas sebab-sebab berikut:

- i) pelaburan hartanah di United Kingdom juga adalah dalam risiko yang terkawal di mana pihak KWSP telah menetapkan terma-terma pelaburan minimum bagi memastikan risiko pelaburan dapat dikawal dengan baik,

- antaranya pulangan dalaman minimum 10%, kredibiliti penyewa bertaraf A - mengikut agensi penarafan Standard & Poors atau A3 Moodys dan tempoh sewa minimum 8 tahun;
- ii) pelaburan hartanah di United Kingdom adalah antara yang terbesar di dunia dengan kecairan yang tinggi. Kajian yang telah dilakukan oleh CB Richard Ellis, salah satu ejen hartanah terbesar di dunia meletakkan nilai pelaburan hartanah di United Kingdom mencecah lebih dari £50 bilion setahun;
  - iii) pelaburan hartanah di United Kingdom adalah menarik disebabkan oleh perundangan yang memberi perlindungan kepada pemilik hartanah;
  - iv) pelaburan hartanah di United Kingdom adalah telus dengan pembelian dilakukan melalui konsep bidaan;
  - v) Tempoh sewaan atau pajakan hartanah yang panjang dengan kadar purata selama 15 tahun; dan
  - vi) perjanjian penyewaan di United Kingdom adalah unik di mana kadar penyewaan berdasarkan *'upward revision only'* (dengan izin) dengan kadar penyewaan tidak boleh turun sewaktu perjanjian penyewaan berkuatkuasa.

NO. SOALAN: 43

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO\* LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ]**

**TARIKH 30 NOVEMBER 2010**

### **SOALAN**

**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedia melanjutkan usia persaraan Tenaga Akademik Universiti dan Pegawai Perubatan (Doktor) bagi memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.

NO. SOALAN:

**JAWAPAN**

**YB. PATO' SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERPANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Umur persaraan wajib bagi semua anggota sektor awam telah pun dinaikkan ke 58 tahun. Sekiranya Kerajaan ingin melanjutkan perkhidmatan bagi para Pensyarah Universiti dan Pegawai Perubatan maka ianya boleh dilakukan secara pelantikan kontrak yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Pensyarah Universiti dan Pegawai Perubatan diberi keistimewaan untuk terus berkhidmat dengan kerajaan secara kontrak selepas persaraan wajib sehingga umur 65 tahun.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN : 44 PEMBERITAHUAN**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN            LISAN**  
**DARIPADA :            TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB**  
**[ BALING ]**  
**TARIKH                 30 NOVEMBER 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Talb [ Baling ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Model Baru Ekonomi (MBE) dapat menjamin hak-hak bumiputera tercapai dan apakah kedudukannya berbanding Dasar Ekonomi Baru (DEB). Nyatakan butiran jaminan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman ahli yang berhormat, Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan telah menjadi sumber ataupun asas bagi tindakan afirmatif yang telahpun diadakan sejak pertengahan sebelum Merdeka lagi. Menyedari perlindungan dan syarat-syarat yang termaktub di bawah Perkara 153, Majlis Penasihat Ekonomi Negara mencadangkan satu dasar tindakan afirmatif yang sejajar dan tertakluk kepada Perkara 153. Khususnya, MBE tidak menganjurkan penghapusan kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan penduduk asal Sabah dan Sarawak serta kepentingan-kepentingan sah masyarakat yang lain. Pada masa yang sama, MPEN bertekad untuk mengubah taraf kehidupan dan kepentingan semua rakyat Malaysia secara keseluruhan termasuk golongan 40% isi rumah terendah melalui tindakan yang mesra pasaran, telus, berdasarkan merit dan keperluan seperti yang telah disebut oleh YAB Perdana Menteri.

